

## ASPEK PERUNDANGAN ISLAM DALAM NOVEL NISAH HARON

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB DAN NORSUHAIDA ISMAIL

*Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No.1, 16300 Bachok, Kelantan.*

\*Pengarang korespondan: mohdfirdauscheyaakob@yahoo.com

**Abstrak:** Artikel ini adalah untuk melihat aspek perundangan Islam yang terdapat dalam karya sastera moden, iaitu novel Melayu. Ini bertolak daripada pengamatan awal yang mendapati ramai pengkaji yang mengkaji aspek perundangan Islam dalam undang-undang Melayu lama. Berdasarkan pengamatan terhadap kajian-kajian sastera terdahulu, adalah jelas bahawa karya sastera tradisional lebih banyak dimanfaatkan sebagai bahan kajian. Sehingga kini, dan sepanjang yang diketahui belum ada kajian yang secara serius memanfaatkan karya-karya sastera moden terutamanya novel-novel Melayu yang meneliti aspek perundangan Islam. Lantaran daripada permasalahan ini, artikel ini memilih untuk memanfaatkan dua buah novel Melayu moden, iaitu novel *Mencari Locus Standi* dan *Lentera Mustika* karya Nisah Haron bagi menganalisis aspek perundangan Islam yang dikaji. Pilihan ini diasaskan kepada reputasi Nisah Haron sendiri yang sedia dikenali sebagai penulis masa kini yang giat menyeru supaya aspek perundangan dititikberatkan dalam karya sastera. Untuk itu, kajian ini menggunakan pandangan daripada tokoh-tokoh sarjana Islam untuk dijadikan sebagai kerangka analisis yang mengiktiraf aspek perundangan Islam sebagai dokumen kebudayaan masyarakat yang sah dan berautoriti. Antara aspek perundangan Islam yang diterapkan ialah undang-undang keluarga yang bertujuan mengatur dan menyusun kehidupan berkeluarga seperti nikah, cerai, rujuk, nafkah, dan pewarisan. Kajian ini juga diterapkan dengan undang-undang muamalah yang bertujuan untuk mengatur dan menyusun cara pemilikan harta, jual beli, gadaian, sewa menyewa, dan pinjam meminjam. Kecenderungan ini juga didapati aspek perundangan Islam telah ditetapkan berdasarkan lunas-lunas keislaman yang dilaksanakan oleh pemerintah dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan undang-undang tersebut sebagaimana yang digambarkan dalam novel-novel yang dikaji.

Kata Kunci: Aspek, novel, undang-undang, Islam

## ISLAMIC LEGISLATION ASPECT IN NOVEL NISAH HARON

**Abstract:** This article is to look at aspects of Islamic law found in modern literary works, Malay novels. This departed from the initial observation which found many researchers studying the aspects of Islamic law in the old Malay law. Based on observations of earlier literary studies, it is clear that traditional literary works are more widely used as a study material. To date, and as far as it is known there has been no study that seriously leverages modern literary works, especially Malay novels investigating aspects of Islamic law. Because of this problem, this article chose to take advantage of two modern Malay novels, the novel *Finding Locus Standi* and *Lentera Mustika* by Nisah Haron to analyze the aspects of Islamic law studied. This choice is based on the reputation of Nisah Haron himself who is now known as the current writer who calls for the legal aspect to be emphasized in literary works. For that reason, this study applies the views of Islamic scholars to be an analysis framework that recognizes the aspects of Islamic law as a legitimate and authoritative cultural document. Among the aspects of Islamic law applied is family law which aims to regulate and organize family life such as marriage, divorce, custody, maintenance, and

inheritance. This study is also applied in conjunction with the law that aims to organize and arrange the way property ownership, sale and purchase, charge, rent, and loan borrowing. This trend also found that the legal aspects of Islam have been established based on Islamic lunas executed by the government and public acceptance of the implementation of the law as depicted in the novels studied.

Keywords: Aspects, novel, laws, Islam

## Pengenalan

Perundangan merupakan satu sistem peraturan atau norma yang diikuti oleh masyarakat. Biasanya, perundangan dikenali sebagai peraturan atau undang-undang dalam sesebuah negara. Jika peraturan tersebut dilanggar, orang yang melanggarnya berkemungkinan akan dihukum atau didenda oleh mahkamah. Peraturan ini biasanya dibuat oleh pemerintah negara supaya rakyatnya boleh hidup, bekerja, dan bersosial antara satu sama lain. Undang-undang secara lazimnya ditadbir oleh suatu sistem mahkamah di mana hakim mendengar pertikaian di antara pihak, dan mengaplikasikan satu set peraturan untuk memastikan satu keputusan yang adil. Oleh itu, cara di mana undang-undang ditadbir dipanggil sistem perundangan, yang lazimnya berkembang mengikut adat-adat sendiri sesebuah negara (Mahmod Zuhdi, 1992).

Banyak negara mendasarkan sistem perundangan mereka yang berkaitan dengan agama atas kawalan agama itu sendiri. Sebagai contoh, ajaran dalam *Mitzvah* yang didasarkan agama Yahudi. Sistem yang paling dominan berbentuk begini adalah syariah atau undang-undang Islam. Pada hari ini, undang-undang ini hidup dalam bentuk yang paling tulen hanyalah di Arab Saudi, tetapi negara-negara Islam lain juga mengamalkannya dengan campuran sistem perundangan lain. Sebagai contoh, Malaysia mengaplikasi sesetengahnya dalam perihal seperti perceraian dan pembahagian harta. Selain itu, *Halakha* atau undang-undang Yahudi diikuti pengikut ortodoks dan pengikut konservatif Yahudi (dalam bentuk berbeza mengikut mazhab) dengan berkait kedua-dua segi agama di samping segi sivil, tetapi berbeza dengan syariah. Tiada negara di dunia kini yang

mengamalkan undang-undang *Halakha* dengan sepenuhnya jika dibandingkan antara undang-undang Islam dengan undang-undang ciptaan manusia, maka keistimewaan syariat Islam itu lebih tinggi nilainya kerana ia mengandungi peraturan-peraturan pemimpin seluruh umat manusia untuk hidup bahagia dunia dan akhirat. Orang yang berpegang teguh kepada syariat Islam itu sudah tentu tidak akan melakukan perbuatan maksiat yang dilarang. Lantaran mereka merasa takut dengan pembalasan sedemikian, maka terpelihara dan terjamin keagamaan serta kemakmuran negara.

Seterusnya, terdapat banyak kajian dan penelitian tentang hasil karya yang dihasilkan oleh pengkarya Melayu yang merangkumi aspek perundangan Islam dalam bidang kesusasteraan Melayu. Aspek perundangan Islam juga dilihat sebagai aspek yang penting dalam penghasilan karya berbentuk sejarah Islam serta karya yang berunsurkan pemerintahan Islam. Oleh yang demikian, kajian yang lebih khusus wajar dijalankan dalam aspek perundangan Islam dari hasil karya kesusasteraan Melayu bagi memantapkan lagi penghasilan karya seseorang. Selain itu juga, boleh dijadikan rujukan untuk para pelajar dan penyelidik bagi meluaskan pengetahuan mereka dalam aspek perundangan Islam yang berkait rapat dengan bidang sastera. Pada tahap ini, memadai dikatakan bahawa aspek perundangan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu mendapat perhatian. Oleh itu, adalah relevan artikel ini memberikan tumpuan terhadap aspek perundangan Islam dalam masyarakat Melayu.

## Sorotan Kajian-kajian Lepas

Kajian-kajian terdahulu menjelaskan beberapa perkara penting tentang aspek perundangan

Islam dalam masyarakat Melayu. Perbincangan dimulakan dengan meneliti kajian oleh Abu Hassan Bin Mohd Sham (seterusnya Abu Hassan) dalam tesisnya yang bertajuk "Undang-Undang Melayu Lama: Tumpuan Khas kepada *Hukum Kanun Melaka* dan Undang-Undang yang di Bawah Pengaruhnya" (1972). Kajian Abu Hassan ini tidaklah bermaksud untuk membuat penyelenggaraan teks, tetapi untuk meninjau sebahagian dari naskhah undang-undang Melayu lama sama ada naskhah yang telah dibuat kajian atau yang masih kekal dalam bentuk asalnya. Selain itu juga, melalui kajian ini, Abu Hassan membuat beberapa batasan kerana bidang pengkajian undang-undang Melayu lama ini amat luas dan perlu dikhususkan. Batasan yang dikenal pasti adalah untuk melihat undang-undang Melayu lama dari sudut "kesusasteraan" dan "bahasa". Kajian ini hanya terbatas kepada undang-undang adat Temenggung sahaja. Sebahagian daripada judul tesis ini, penumpuan yang istimewa diberikan kepada *Hukum Kanun Melaka* dan juga undang-undang yang di bawah pengaruhnya.

Seterusnya, pengamatan dilakukan terhadap kajian oleh Radiah Binti Yusuf (seterusnya Radiah, 1985) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk "Soerat Huekoem Kanon: Analisis dan Kajian Teks" (1985). Dalam kajian ini, Radiah melakukan kajian berhubung undang-undang Melayu lama, dan memfokuskan kepada *Hukum Kanun Pahang* sahaja. Kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincarkan tentang teks undang-undang Melayu lama, yang secara keseluruhannya terdapat dalam *Hukum Kanun Pahang*. Teks yang digunakan oleh Radiah diperoleh dalam bentuk mikrofilem, dan sumbernya dari *Bibliotheca Academiae Lugduno Batava* yang terdapat dalam simpanan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Mikrofilem ini disalin dalam bentuk teks supaya ianya mudah dibaca. Secara umumnya, teks ini dihuraikan dari segi struktur bahasa yang dikatakan bercampur aduk dengan kitab dan teknik penulisan yang berbagai-bagai. Bahagian kedua pula ialah mengenai nilai-nilai perundangan yang terdapat dalam undang-undang Melayu lama, iaitu dikatakan bercampur

aduk dengan undang-undang pengaruh Hindu dan Islam. Bahagian ketiga pula membincarkan tentang pengaruh perundangan Islam secara umum dalam undang-undang Melayu lama terutama undang-undang jenayah, muamalat, dan kekeluargaan. Seterusnya, tujuan pengarang menghasilkan teks ini adalah untuk mendapat keterangan yang paling berkesan, dan boleh digunakan apabila melihat pada bahagian awal teks ini yang memperkatakan secara ringkas tentang perihal yang terkandung di dalamnya. Radiah juga menyatakan tujuan teks ini dilakukan disebabkan oleh pernyataan di bawah:

...kemudian daripada itu, maka ini sesuatu risalah pada menyatakan kanun iaitu pada segala negeri yang besar-besar memakai hukum kanun yang benar adat di dalam negeri raja-raja dan segala takluk rantaunya dan segala orang besar-besarnya supaya tidak musykil kepadanya.

(Radiah Binti Yusuf, 1985)

Melalui keterangan di atas, jelas kepada kita bahawa naskhah ini diutarakan untuk dijadikan sebagai satu pernyataan kepada pembaca mengenai beberapa peraturan di dalam sesebuah kerajaan itu. Di samping memperlihatkan hukum-hukum adat, ia juga dikaitkan dengan hukum-hukum yang bersesuaian dengan ajaran Islam.

Perbincangan seterusnya beralih kepada kajian Sabjan Bin Sallahudin (seterusnya Sabjan) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk "*Hukum Kanun Pahang: Satu Tinjauan Ringkas*" (1978). Projek ilmiah ini memfokuskan kepada kajian teks dan sistem sosial masyarakat Melayu tradisi yang terdapat dalam *Hukum Kanun Pahang*. Kajian ini bertujuan untuk meninjau secara ringkas salah satu daripada naskhah undang-undang Melayu lama iaitu *Hukum Kanun Pahang*. Pada bahagian pertama iaitu kajian teks, Sabjan menyatakan bahawa teks *Hukum Kanun Pahang* disusun tanpa adanya atau kesatuan yang menyeluruh dari segi susunannya. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bab satu terdiri daripada *Hukum Kanun Pahang* yang asal. Bab dua terdiri daripada hukum-hukum terjemahan sistem

perundangan Islam yang diambil sepenuhnya daripada Mazha Bin Shafie, dan bab ketiga merupakan kutipan daripada undang-undang Melayu lama yang lain, terutamanya undang-undang Johor yang terdapat pengaruh Hindu Islam dan juga tempatan. Jelaslah bahawa kajian undang-undang Melayu lama tidak hanya tertumpu kepada pengaruh undang-undang kini, sebaliknya turut meninjau nilai-nilai kemasyarakatan yang terdapat dalam undang-undang Melayu lama seperti kesusasteraan dan pemikiran masyarakat.

### **Penyataan Masalah**

Artikel ini adalah untuk melihat undang-undang Islam yang terdapat dalam karya sastera moden iaitu novel Melayu. Pengamatan terhadap kajian-kajian dan tulisan-tulisan di atas tentang undang-undang Islam yang memperlihatkan ramai pengkaji yang mengkaji aspek perundangan Islam dalam undang-undang Melayu lama. Namun, bukan banyak yang mengkaji aspek perundangan Islam dalam karya sastera. Selain itu juga, terdapat beberapa perbezaan pandangan dalam aspek perundangan Islam menerusi kajian-kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji yang lepas. Lantaran daripada wujudnya pandangan yang berlainan, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis aspek perundangan Islam dengan lebih terperinci dalam karya sastera yang akan dikaji untuk diberikan perhatian selanjutnya. Artikel ini juga akan melihat dan menganalisis hukuman-hukuman yang ditetapkan berdasarkan penerapan lunas-lunas keislaman yang dilaksanakan oleh pemerintah dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan undang-undang tersebut. Selain daripada itu, penelitian ini juga dibuat untuk melihat sama ada undang-undang itu memberi kepentingan kepada semua ahli masyarakat, serta melihat konsep dan pengertian undang-undang Islam yang terdapat di dalam masyarakat Melayu.

Sehubungan itu, pengamatan terhadap kajian-kajian terdahulu juga memperlihatkan bahan-bahan sastera tradisional dimanfaatkan dalam penelitian aspek perundangan Islam

dalam masyarakat Melayu. Hal ini jelas apabila undang-undang Islam itu diguna pakai dalam *Hukum Kanun Pahang*, *Sejarah Melayu*, dan *Hukum kanun Melaka*, seperti kajian Abu Hassan Bin Mohd Sham, Radiah Binti Yusuf dan Sabjan Bin Sallahudin. Berdasarkan pengamatan terhadap kajian-kajian sastera terdahulu, adalah jelas bahawa karya sastera tradisional lebih banyak dimanfaatkan sebagai bahan kajian. Sehingga kini, dan sepanjang yang diketahui belum ada kajian yang secara serius memanfaatkan karya-karya sastera moden terutamanya novel-novel Melayu yang meneliti aspek perundangan Islam. Berdasarkan perkara ini, artikel ini memilih untuk menjadikan sastera moden, iaitu novel *Mencari Locus Standi* dan *Lentera Mustika* karya Nisah Haron sebagai bahan kajian. Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini memfokuskan kepada dua objektif yang perlu dicapai iaitu menganalisis aspek perundangan Islam dalam novel karya Nisah Haron dan mengenal pasti aspek perundangan Islam yang terdapat dalam novel karya Nisah Haron.

### **Batasan Kajian**

Seperti yang dinyatakan lebih awal, artikel ini memilih genre novel sebagai bahan kajian. Sejakar dengan objektif ini, pemilihan novel-novel Melayu sebagai bahan kajian adalah terbatas kepada dua pertimbangan yang merangkumi aspek bentuk (*form*) dan aspek isi (*content*). Aspek bentuk merujuk kepada karya-karya yang menepati ciri-ciri luaran genre novel, manakala aspek isi pula merujuk kepada isi cerita (dalam novel) yang mengandungi ciri-ciri, atau unsur-unsur yang dapat dianggap berkaitan dengan undang-undang Islam.

Artikel ini memilih dua buah novel Melayu sebagai bahan kajian. Kedua-dua novel yang akan dikaji ialah hasil karya Nisah Haron, iaitu *Mencari Locus Standi* yang diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd dalam cetakan pertama pada tahun 2004 yang mengandungi 246 halaman. Seterusnya, novel *Lentera Mustika* yang diterbitkan oleh PTS Litera Sdn Bhd pada tahun 2009 yang

mengandungi 416 halaman. Pemilihan novel karya Nisah Haron ini dirasakan wajar untuk dikaji kerana pengkarya berpengalaman selama lapan tahun sebagai peguam banyak dibancuh dalam karya kreatifnya. Karya-karya yang dihasilkan juga adalah gabungan sastera dan undang-undang yang dirasakan wajar kerana isi cerita (dalam novel) yang mengetengahkan perkara berkaitan dengan aspek perundangan Islam.

Nisah Haron adalah anak kelahiran Negeri Sembilan dan lahir pada 20 April 1973. Nisah Haron berketurunan Melaka dan berdarah Minangkabau. Nisah Haron mula menulis sejak berada di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said, Seremban (Zaidi, 2010: 61). Walaupun Nisah Haron mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Nisah Haron masih tidak puas belajar dan kini sedang menyudahkan Sarjana Sastera di universiti yang sama (Nisah Haron, 2018). Pengalaman lapan tahun sebagai peguam banyak diterapkan dalam karya kreatifnya. Nisah Haron banyak memenangi anugerah sastera di peringkat kebangsaan antaranya, Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan, Hadiah Sastera Berunsur Islam, dan Anugerah Sastera Negeri Sembilan (Norzuzilawati, 2009). Selain itu, Nisah Haron diundang mengajar penulisan kreatif di universiti-universiti tempatan. Nisah Haron juga turut membimbing penulis-penulis baharu khususnya dalam genre prosa di dalam dan luar negara termasuk di Bogor dan Bukit Tinggi, Indonesia (Nisah Haron, 2018). Gabungan sastera dan undang-undang dalam disiplin pengajian memberikan warna yang berbeza dalam karya-karyanya seperti *Mencari Locus Standi* dan *Lentera Mustika*. Dengan memanfaatkan novel karya Nisah Haron sebagai bahan penelitian, artikel ini distrukturkan untuk memperincikan aspek perundangan Islam dalam novel yang akan dikaji.

### Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Analisis aspek perundangan Islam akan dibahagikan kepada dua subtajuk iaitu undang-undang keluarga yang bertujuan mengatur dan menyusun kehidupan berkeluarga, seperti nikah, cerai, rujuk, nafkah, dan pewarisan dan kedua ialah undang-undang muamalah yang bertujuan untuk mengatur dan menyusun cara pemilikan harta, jual beli, gadaian, sewa menyewa, dan pinjam meminjam. Aspek perundangan Islam ini jelas dapat dilihat dalam novel *Mencari Locus Standi* iaitu **wasiat mengikut Islam, pembahagian harta pusaka secara faraid dan harta sepencarian** sebagaimana yang dimanifestasikan dalam novel. Pembahagian ini dilakukan berasaskan aspek perundangan Islam yang dijadikan sebagai kerangka analisis.

### *Undang-Undang Pewarisan Harta Melalui Wasiat*

Penelitian awal mendapati bahawa salah satu aspek perundangan Islam yang diutarakan dalam novel *Mencari Locus Standi* (seterusnya *MLS*) yang dikaji ialah soal undang-undang perwarisan harta melalui wasiat. Sebagaimana dijelaskan dalam perbincangan awal, pengertian “wasiat” di sini merujuk kepada satu cara yang boleh memberikan hak milik manfaat kepada seseorang (Ruzian, 2003). Hak milik ini akan dinikmati setelah orang yang melakukan wasiat itu meninggal dunia. Oleh sebab itu, penerimaan wasiat boleh memanfaatkan benda yang diwasiatkan kepadanya mengikut cara dan kehendak wasiat itu sendiri. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *MLS* yang mengisahkan tentang kehidupan Eliza Jasmin, iaitu seorang pelajar jurusan undang-undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Berkaitan dengan itu, novel ini turut menceritakan tentang sekumpulan pelajar undang-undang menghadapi kehidupan di kampus. Novel ini mengetengahkan watak Eliza Jasmin sebagai seorang anak angkat dalam keluarga berada. Sebelum ini, Eliza Jasmin tidak pernah ambil pusing siapakah ibu bapa kandungnya sehingga salah saat kematian bapa angkatnya yang dikenali sebagai Emir Johan.

Selepas itu, Barulah Eliza Jasmin sedar bahawa peri pentingnya perkara itu diambil perhatian. Kematian bapa angkatnya menjadi tunggak kekuatan bagi Eliza Jasmin dan merubah corak hidupnya. Dalam masa yang sama, Eliza Jasmin terpaksa berdepan dengan konflik bapa-bapa saudaranya yang mahu merebut harta pusaka tinggalan ayah angkatnya dan sekali gus ingin menyingkirkan Eliza Jasmin sebagai waris yang layak. Akibat daripada Eliza Jasmin mendapat firma guaman daripada wasiat ayah angkatnya itu, menimbulkan rasa tidak puas hati daripada bapa-bapa saudaranya. Sebelum Emir Johan meninggal dunia akibat tumor yang menjajah otaknya, Emir Johan telah menyediakan wasiat untuk dibacakan oleh Amirul Farid, iaitu rakan kongsi di firma guaman miliknya. Selepas kematian Emir Johan, wasiat itu dibaca oleh Amirul Farid. Terbuktilah segala isi surat wasiat yang dibuat oleh Emir Johan, bahawa segala hak milik, aset, liabiliti dan kepentingan dalam firman guaman Emir Johan & Co. diberi kepada Eliza Jasmin. Merujuk kepada undang-undang Islam, Eliza Jasmin sebagai anak angkat layak menerima harta warisan ayah angkatnya itu melalui wasiat yang sudah dibuat. Ini dapat digambarkan melalui petikan berikut:

Wasiat telah dibacakan. E-Jay masih mengingati hampir setiap butiran kata dalam dokumen yang dipegang oleh Farid: Bahawasanya saya mewasiatkan segala hak milik, aset, liabiliti dan kepentingan saya dalam firma guaman Emir Johan & Co. kepada Eliza Jasmin Binti Mohd Yazid sebaik sahaja dia diterima masuk dan namanya didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya.

(Nisah Haron, 2004)

Selanjutnya beralih kepada novel *Lentera Mustika* (seterusnya *LM*). Analisis dalam novel *LM* ini mendapati bahawa pengarang ingin menyampaikan tentang wasiat. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, wasiat adalah satu cara yang boleh memberikan hak milik manfaat kepada seseorang. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang

menceritakan tentang watak Emir Johan sebagai seorang peguam, memainkan peranan penting kepada Ainur Mustika dan Dahlia untuk menerangkan tentang wasiat. Akibat daripada Dahlia mempunyai masalah dengan suaminya, Dahlia ingin mendapat nasihat daripada Emir Johan tentang pembahagian harta melalui wasiat. Oleh itu, Emir Johan bertanggungjawab untuk memahamkan undang-undang tersebut kepada Dahlia. Seperti yang diberi tahu oleh Emir Johan dalam novel ini kepada Dahlia, wasiat untuk orang Islam mestilah tidak melebihi satu per tiga daripada jumlah harta. Dahlia juga tidak boleh berwasiat kepada ahli waris, iaitu anak sendiri, suami, ataupun orang-orang yang akan mendapat pembahagian secara faraid apabila Dahlia meninggal dunia. Tetapi, Dahlia boleh membuat wasiat kepada bukan ahli waris. Contohnya, kepada anak saudara perempuan, dan anak saudara itu tidak akan dapat sekiranya Dahlia mempunyai anak lelaki. Ataupun meninggalkan wasiat kepada anak angkat. Diteruskan lagi oleh Emir Johan bahawa dalam wasiat, orang yang menerima wasiat tidak boleh diberi tahu semasa si mati masih hidup dan ia berbeza dengan hibah. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut:

“Dalam hal wasiat, orang dinamakan sebagai penerima wasiat itu tidak perlu tahu. Boleh dibuat secara rahsia. Wasiat ini boleh dimaklumkan hanya selepas si mati meninggal dunia. Bezanya, hibah hendaklah dibuat semasa hidup, dimaklumkan semasa hidup dan penerimanya tahu tentang hal ini sewaktu si mati masih hidup. Tetapi, wasiat dibuat semasa hidup, boleh maklum ataupun tidak kepada si penerima dan faedahnya hanyalah selepas si pembuat wasiat itu meninggal dunia.”

(Nisah Haron, 2009)

### ***Undang-Undang Pewarisan Islam***

Seterusnya, analisis dalam bahagian ini beralih kepada undang-undang pewarisan Islam yang terdapat dalam novel *MLS*. Seperti yang dinyatakan undang-undang pewarisan Islam merujuk kepada orang yang berhad menerima

harta pusaka orang yang sudah meninggal dunia (Abdul Basir, 2002). Apabila seseorang meninggal harta, maka harta itu mestilah diturunkan kepada orang yang menjadi waris yang paling hampir. Sehubungan itu, dalam undang-undang pewarisan Islam juga, harta boleh diwasiatkan kepada orang yang bukan waris dengan jumlahnya tidak melebihi satu per tiga daripada keseluruhan harta. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *MLS* yang menceritakan tentang pembahagian harta Emir Johan selepas kematiannya. Emir Johan telah meninggalkan banyak harta-hartanya, seperti segala aset dan liabiliti firma guaman Emir Johan & Co., lapan bidang tanah, tiga buah kereta, skrip-skrip sahan dan wang simpanan peribadi berjumlah lebih kurang tujuh ratus ribu ringgit. Emir Johan tidak mempunyai anak sendiri, cuma mempunyai seorang anak angkat yang dikenali sebagai Eliza Jasmin. Walaupun Eliza Jasmin seorang anak angkat, Emir Johan sangat menyayangi Eliza Jasmin dan menganggapnya sebagai anak sendiri. Akibat daripada mengalami penyakit ketumbuhan otak, Emir Johan membuat wasiat agar segala aset dan liabiliti firma guaman ditulis atas nama Eliza Jasmin. Kesan daripada wasiat itu, berlakunya rasa tidak puas hati daripada ahli keluarga Emir Johan yang dikenali sebagai Pak Long Dzulkarnain dan Pak Su Syarifuddin. Kedua-dua bapa saudaranya ini cuba mempertikaikan bahawa Eliza Jasmin seorang anak angkat tidak selayaknya memperoleh harta yang ditinggalkan oleh Emir Johan. Dalam novel *MLS* ini juga, dapat dilihat apabila Encik Farid cuba menyelesaikan masalah pembahagian harta ini. Encik Farid sudah menerangkan segala-galanya mengenai undang-undang pewarisan Islam itu kepada Pak Long Dzulkarnain dan Pak Su Syarifuddin. Mereka berdua tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Kerana dalam undang-undang perwarisan mengikut Islam, harta boleh dibahagikan kepada seorang bukan ahli waris dengan tidak melebihi daripada apa yang sudah ditetapkan oleh undang-undang Islam. Seperti yang dinyatakan dalam novel *MLS* ini, jelas menunjukkan kedudukan Eliza Jasmin sebagai anak angkat layak memiliki wasiat daripada

harta peninggalan arwah Emir Johan, tetapi tidak boleh melebihi satu per tiga. Ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut:

“Dalam Undang-undang perwarisan Islam, harta hanya boleh diwasiatkan kepada seorang yang bukan ahli waris, dan jumlah harta yang diwasiatkan mestilah tidak melebihi satu per tiga daripada keseluruhan jumlah harta. jadi persoalan pertama selesai. E-Jay diberikan hak pewarisan melalui wasiat ini.”

(Nisah Haron, 2004)

### **Pembahagian Harta Pusaka Secara Faraid**

Seterusnya, analisis ini mendapati bahawa undang-undang pembahagian harta pusaka secara faraid turut dikemukakan dalam novel *MLS*. Harta pusaka secara faraid di sini merujuk kepada sesuatu cara pembahagian hak milik secara mutlak melalui hukum syarak (Hassan, 1973). Seseorang yang mewarisi harta pusaka, memiliki harta tersebut secara sepenuh dan berhad ke atas harta tersebut secara mutlak. Apabila pewaris sebenar meninggal dunia, maka harta ini akan berpindah milik pula kepada keluarga yang menjadi pewarisnya. Mengikut syarat selepas ditolak segala hutangnya atau wasiat yang akan mewarisi hartanya. Melalui faraid, sesuatu harta peninggalan si mati itu adalah tertakluk kepada empat hak sebelum ia dibahagikan di antara ahli-ahli waris iaitu hutang si mati, perbelanjaan pengurusan si mati, hak-hak seperti zakat dan wasiat yang tidak melebihi satu per tiga. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LMS* yang menceritakan tentang Emir Johan adalah seorang peguam yang mempunyai banyak harta peninggalan. Selepas kematian Emir Johan, masalah pembahagian harta yang diwasiatkan itu menimbulkan rasa tidak puas hati daripada ahli keluarga Emir Johan. Terutamanya daripada Pak Long Dzurkarnain dan Pak Su Sharifuddin, iaitu abang dan adik kepada Emir Johan. Akibat daripada Pak Long Dzurkarnain dan Pak Su Sharifuddin yang tidak berpuas hati dengan pembahagian harta peninggalan Arwah Emir Johan kepada Ibu Mustika dan Eliza Jasmin ini,

mereka berdua menuntut haknya supaya harta pusaka perlu difaraidkan dengan adil. Lanjutan itu, Encik Farid selaku rakan kongsi di firma guaman Emir Johan sudah menjelaskan kepada semua ahli waris Emir Johan, bahawa mengikut undang-undang Islam sebelum harta itu dapat difaraidkan perlulah ditolak segala hutang dan belanja pengebumian daripada jumlah harta si mati, seperti yang dijelaskan melalui petikan berikut:

“Memang benar, harta si mati wajib di faraidkan apabila di tuntut oleh ahli waris.” Farid memulakan penerangan. “Tetapi sebelum harta-harta dibahagikan kepada semua ahli waris yang berhad menerima, kita mesti pastikan sama ada terdapat hutang yang ditinggalkan oleh si mati atau tidak. Jika ada, hutang itu mesti dilunaskan oleh ahli waris dengan menggunakan harta si mati. Begitu juga dengan belanja pengebumian yang mesti juga ditolak daripada jumlah harta si mati.”

(Nisah Haron, 2004)

Analisis seterusnya beralih kepada novel *LM* yang pengarang cuba memberi penerangan hibah mengikut undang-undang Islam. Sebagaimana yang dijelaskan pada perbincangan awal, hibah adalah suatu akad yang mengandungi pemberian milik seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain, iaitu pada masa hidupnya tanpa balasan (Haron Din, 1989). Hibah diberi atas dasar kasih sayang. Selain itu, hibah dibolehkan sama ada kepada ahli keluarga, hatta kepada bukan Islam. Islam tidak menetapkan kadar atau had tertentu bagi harta yang hendak dihibahkan, kerana harta yang hendak dihibahkan terletak kepada pemilik pemberi hibah. Dengan kata lain, terpulanglah kepada pemberi hibah membuat pertimbangan terhadap kadar harta yang ingin dihibahkan. Begitulah maksud hibah, dengan niat yang ikhlas memberi kepada seseorang. Walau bagaimanapun, jika harta hendak dihibahkan kepada anak-anak, Islam menggalakkan ia dibuat secara adil. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang menceritakan tentang Dahlia

dan Ainur Mustika, yang ingin berjumpa dengan peguam Emir Johan untuk mendapat nasihat tentang membahagikan hartanya secara hibah. Emir Johan selaku peguam dalam novel ini cuba menjelaskan kepada Dahlia dengan lebih mendalam tentang pembahagian harta secara hibah. Sekiranya Dahlia ingin menghadiahkan satu harta kepada seseorang, misalnya sahabat atau ingin hibahkan sesuatu yang Dahlia miliki kepada anak perempuannya, itulah dimaksudkan dengan hibah. Katakan, kalau harta Dahlia ingin dibahagikan secara faraid, harta itu mungkin kurang bahagiannya kepada anak perempuannya tadi. Tetapi jika dihibahkan sebahagian harta Dahlia khusus kepada anak perempuannya itu tadi, malah anak itu akan boleh memanfaatkannya. Dalam novel ini, Dahlia ingin menghibahkan rumah yang dibeli kepada anak perempuannya. Sekiranya dia meninggal, anak-anaknya tidak boleh dakwah sebab tidak mengikut faraid. Selain itu, novel ini menggambarkan Emir Johan masih terkawal dan sabar melayan setiap soalan anak guamnya. Sekiranya Dahlia membuat instrumen hibah menggunakan surat dengan cara yang betul, jika apa-apa yang berlaku kepada Dahlia nanti, harta itu memang akan terkeluar daripada jumlah harta pusaka. Harta Dahlia yang dihibahkan bukan lagi harta Dahlia, ia sudah bertukar milik. Soalnya, sama ada orang lain tahu ataupun sebaliknya, tidak akan timbul. Malah jika harta tanah belum ditukar nama kepada penerima hibah itu, tidak bermakna pemberian hibah tidak lengkap. Berkaitan dengan itu, Dahlia boleh beri apa-apa saja yang ada dalam miliknya kepada sesiapa yang dia suka, sebab harta itu Dahlia yang punya. Misalnya barang kemas, boleh diberi terus kepada anak Dahlia yang bongsu. Tetapi, orang yang menerima itu hendaklah diberitahu. Ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah:

“Baiklah, untuk hibah, puan mesti memaklumkan kepada penerima hibah itu. Itu syaratnya. Puan berniat memberi kepada anak perempuan, misalnya. Jadi, anak perempuan puan itu mestilah tahu bahawa dia akan menerima dan bersetuju untuk menerima pemberian itu. Seorang yang dinamakan sebagai penerima

hibah boleh menolak satu-satu pemberian. Dengan yang demikian, hibah itu tidak menjadi. Jadi harta itu tidak dinamakan sebagai harta yang dihibahkan. Jika puan meninggal dunia, harta itu akan kembali menjadi harta pusaka.”

(Nisah Haron, 2009)

Seterusnya, dalam novel *LM* ini dapat dilihat bahawa merancang harta pusaka adalah penting bagi orang Islam. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang menceritakan tentang Dahlia ingin merancang harta pusakanya. Dahlia belum pasti sama ada suaminya Amram akan berkahwin baharu dan juga tidak pasti sama ada Dahlia diceraikan atau dimadukan. Oleh kerana Dahlia tidak pasti dengan kehidupannya yang akan datang, Emir Johan mencadangkan agar Dahlia merancang hartanya. Terutama sekali harta yang ditinggalkan oleh Dahlia. Sebelum ini Ainur Mustika dan Dahlia tidak terfikir akan hal ini. Berkaitan dengan itu, Emir Johan menerangkan cara bagaimana untuk merancangkan harta dengan lebih terperinci kepada Dahlia. Emir Johan mengarahkan Dahlia senaraikan semua harta yang dimiliki. Tidak kiralah kenderaan, harta tanah, barang kemas, dan semua sekali yang dimiliki oleh Dahlia. Kemudian, senarai pula waris yang masih ada sekiranya Dahlia meninggal. Melalui segala yang disenaraikan oleh Dahlia tadi, Emir Johan menjelaskan harta boleh difaraidkan sekiranya puan Dahlia mati, tetapi hutang si mati hendaklah ditolak terlebih dahulu. Ertinya, apa-apa harta peninggalan si mati itu tidak boleh diusik dan perlulah jelaskan hutang piutangnya kepada pihak yang menuntut dengan sah. Lepas itu barulah harta itu boleh dibahagikan, kecuali kalau kes itu sampai ke tangan peguam. Peguam itu mesti pastikan sama ada wasiat pernah dibuat oleh si mati, sebagaimana yang dijelaskan melalui petikan berikut:

“Masih belum boleh lagi puan, kalau kes ini sampai ke tangan saya, ada lagi perkara yang perlu saya semak juga. Saya akan pastikan sama ada wasiat pernah dibuat oleh si mati. Kemudian, jika ada hibah atau pemberian masa

hidup dan tidak kurang pentingnya juga tuntutan harta sepencarian. Apabila si mati tiada hutang, wasiat, hibah, ataupun harta sepencarian yang ditolak daripada keseluruhan harta si mati, barulah kita lihat sama ada harta itu boleh difaraidkan.”

(Nisah Haron, 2009)

Seterusnya, analisis ini juga berkaitan dengan harta pusaka difaraidkan. Novel *LM* turut menggambarkan bagaimana orang Islam wajib membahagikan harta secara faraid. Harta pusaka ini hanya wajib difaraidkan jika semua waris bertegas untuk menggunakan sistem pewarisan Islam. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang menggambarkan bahawa Ainur Mustika dan Dahlia yang kurang arif tentang pembahagian harta secara faraid, dan memohon supaya Emir Johan menjelaskannya. Emir Johan sebagai peguam, menjelaskan sekiranya si mati meninggalkan tiga keping tanah dan sebuah kereta. Andainya, si mati ini lelaki dan ketika mati dia telah meninggalkan seorang isteri, dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Jika isteri dan tiga orang anaknya itu bermuafakat bahawa setiap seorang akan membahagikan dengan kaedah, anak perempuan mendapat sekeping tanah, seorang anak lelaki mendapat sebuah kenderaan, seorang lagi mendapat tanah, dan isteri juga mendapat sekeping tanah. Lanjutan itu, setiap ahli waris bersetuju dan tiada masalah dengan cara pembahagian tersebut, kaedah ini juga boleh menyelesaikan pembahagian harta. Dengan cara ini, ahli waris tidak perlu menggunakan kaedah pembahagian faraid. Sekiranya isteri dan tiga anak itu tidak bermuafakat, harta itu hendaklah dibahagikan secara faraid. Sebagaimana digambarkan dalam novel ini, mengikut undang-undang Islam pembahagian harta secara faraid, isteri akan mendapat satu per lapan bagi setiap harta. Ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah:

“Secara faraid, isteri akan mendapat 1/8 sementara baki harta akan dibahagikan kepada anak lelaki dan perempuan dengan kadar dua nisbah satu. Jika itu yang diinginkan oleh

setiap waris, tiada siapa yang boleh menentang keputusan tersebut kerana sudah difardukan oleh Allah Taala dalam al-Quran. Ertinya, si isteri akan mendapat 1/8 bagi setiap harta.”

(Nisah Haron, 2009)

### ***Undang-Undang Kekeluargaan Melalui Pembahagian Harta Sepencarian***

Analisis seterusnya beralih kepada undang-undang kekeluargaan melalui pembahagian harta sepencarian dalam novel *MLS*. Sebagaimana yang dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini, undang-undang di Malaysia mengiktiraf harta sepencarian sebagai hak yang boleh dituntut oleh pihak-pihak sama ada suami ataupun isteri apabila berlaku penceraian (Mohd. Saleh, 1999). Selain itu, dengan kata lain, harta sepencarian ialah harta yang diperoleh sepanjang masa perkahwinan suami isteri sama ada daripada sumber atau daripada usaha mereka bersama. Harta sepencarian tidak semestinya hasil daripada satu jenis pekerjaan sahaja, sebaliknya termasuk apa-apa jua pekerjaan yang dilakukan oleh suami isteri yang menghasilkan satu bentuk harta. Mana-mana harta yang diperoleh sebelum mereka berkahwin tidak boleh dituntut sebagai harta sepencarian. Namun demikian, pembahagian harta sepencarian antara suami isteri akan ditentukan oleh mahkamah berdasarkan sumbangan mereka di dalam memperoleh harta sepencarian tersebut. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *MLS* yang menceritakan tentang watak Mustika, iaitu seorang isteri kepada Emir Johan. Selama Mustika hidup bersama Emir Johan, banyak perkara yang dikongsi sehingga Emir Johan meninggal dunia. Selepas kematian Emir Johan, Farid sebagai peguam telah menerangkan kepada Mustika bahawa ia boleh menuntut harta sepencarian yang diperoleh oleh pasangan semasa hayat si mati di mahkamah syariah. Walau bagaimanapun, novel ini juga menceritakan tentang Mustika mendapat tentang hebat daripada adik-beradik Emir Johan mengenai harta sepencarian tersebut. Dalam konteks ini, walaupun Mustika bercerai mati dengan

arwah Emir Johan, menurut undang-undang Islam Mustika boleh membuat permohonan di Mahkamah Syariah dan menamakan ahli keluarga terdekat arwah Emir Johan yang masih hidup sebagai defendant. Novel *MLS* ini jelas menunjukkan bahawa Mustika yang kematian suaminya Emir Johan boleh menuntut harta sepencarian yang diperoleh semasa mereka hidup bersama, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

“Puan Mustika juga boleh menuntut harta sepencarian, iaitu harta yang diperoleh oleh pasangan ini semasa hayat si mati,” sambung Farid. “Mereka bercerai mati, bukan bercerai hidup! Macam mana Mustika boleh tuntut harta sepencarian?” sanggah Pak Su Sharifiddin. “Boleh,” tegas Farid. “Menurut undang-undang, Puan Mustika boleh membuat permohonan di Mahkamah Syariah dan menamakan encik berdua sebagai defendant. E-Jay memang tiada had dalam pewarisan. Dia tidak perlu dinamakan, tetapi dia boleh datang sebagai saksi, jika perlu. Kalau encik berdua tidak bersetuju dengan permohonan Puan Mustika sila kemukakan bantahan di mahkamah. Hakim akan menentukan bahagian harta sepencarian untuknya dan baki daripada harta tersebut akan difaraidkan.”

(Nisah Haron, 2004)

Analisis ini juga diteruskan melalui novel *LM* yang turut menjelaskan perundangan Islam dilakukan melalui pembahagian harta sepencarian. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang menceritakan tentang masalah kawan Ainur Mustika. Menurut novel ini juga, Dahlia adalah kawan baik kepada Ainur Mustika yang mempunyai masalah keluarga apabila suaminya ingin berkahwin lagi. Akibat daripada masalah itu, Dahlia meminta tolong daripada Ainur Mustika untuk membuat temu janji dengan peguam Emir Johan. Ainur Mustika menunaikan janjinya kepada Dahlia untuk membawa berjumpa dengan Emir Johan. Tujuan Dahlia berjumpa dengan peguam Emir Johan adalah untuk mendapat nasihat dan bertanyakan

pendapat. Dahlia mempunyai sebuah rumah yang dibeli ke atas namanya, dan Dahlia risau kalau suaminya ingin mengambil rumah itu untuk dijual, gadai, sewa ataupun ambil hasilnya. Tetapi Emir Johan selaku peguam telah menerangkan mana-mana harta dibeli dalam tempoh perkahwinan dipanggil harta sepencarian. Apatah lagi harta itu dibeli atas usaha kedua-dua orang suami isteri. Dalam hal ini, harta itu milik Dahlia secara mutlak. Namun begitu, sekiranya Dahlia meninggal dunia terlebih dahulu daripada suaminya, harta ini boleh dituntut oleh suami sebagai harta sepencarian dengan jumlah ditentukan oleh mahkamah. Bakinya barulah difaraidkan. Ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut:

“Jika puan meninggal dunia, suami puan boleh menuntut bahagian puan yang separuh itu sebagai harta sepencarian. Bahagian dia tetaplah bahagian dia. Maknanya dia dapat membesarakan bahagian pemilikannya terhadap harta tersebut. Tetapi, masih bukan 100 peratus. Kalau dia mahu memiliki harta itu 100 peratus dia perlu minta izin daripada waris-waris yang berhad, ataupun membayar kepada waris, bahagian masing-masing bagi mendapatkan pemilikan 100 peratus harta itu.”

(Nisah Haron, 2009)

Seterusnya, analisis dalam novel *LM* juga, Emir Johan menerangkan dengan lebih jelas tentang cara pembahagian harta sepencarian kepada Dahlia. Selagi Dahlia masih hidup, harta tidak boleh diapa-apakan oleh suami Dahlia atau sesiapa pun. Sebab dalam undang-undang tanah, nama yang tertera dalam geram adalah pemilik harta yang tidak boleh disangkal. Jika suami Dahlia ingin mencagarkan harta itu untuk tujuan sebarang pinjaman kewangan, Dahlia hendaklah terlibat sama apabila dokumen perjanjian pinjaman ditandatangani. Dahlia cuba untuk memahami segala maksud harta sepencarian yang baru diterangkan oleh Emir Johan. Sekiranya, Dahlia mempunyai tanah lain yang dikongsi dua nama, harta itu hendaklah dibahagikan sama rata selepas bercerai, sebagaimana yang dijelaskan melalui petikan berikut:

“Bagi harta yang memang sudah ada dua nama, tiap-tiap seorang mempunyai hak separuh bahagian atas mana-mana bahagian atas tanah. Ertinya, kalaularah harta yang dimasukkan itu ada sebuah rumah di atasnya, tidaklah bermakna suami puan memegang hak dari anjung sampai ke tengah rumah dan puan pula punya hak dari tengah rumah sampai ke dapur. Hak puan sama banyak dengan suami puan.”

(Nisah Haron, 2009)

Seterusnya, analisis perbincangan beralih kepada hak berpoligami yang diketengahkan dalam novel *LM*. Walaupun kebanyakan isteri tidak rela membenarkan suaminya berkahwin lagi atau dalam istilahnya disebut poligami, namun Islam mengharuskan perkahwinan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Islam mengharuskan poligami untuk menjaga kesucian mereka di dalam menuntut hawa nafsu yang kuat sehingga tidak cukup dengan hanya memiliki seorang isteri sahaja. Berpoligami dalam ruang sihat yang diiringi penjagaan dan pensyaratan hak-hak kewajipan serta kemuliaan yang selayaknya, akan menghalang diri daripada terjerumus ke arah melakukan perbuatan yang diharamkan syarak dan berdosa. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang menggambarkan tentang suami Dahlia yang merancang untuk berkahwin lagi. Dahlia risau dengan kata-kata suaminya. Disebabkan itu, Dahlia mengambil langkah untuk bersedia menerima kenyataan. Timbul rasa bangga bercampur kasihan apabila Ainur Mustika mendengar perkataan sahabatnya itu. Ainur Mustika kagum dengan semangat Dahlia untuk terus kuat demi kelangsungan hidup dan demi anak-anaknya. Ainur Mustika bersimpati dengan apa yang bakal Dahlia hadapi sekiranya suaminya benar-benar mengotakkan impianinya. Akibat daripada itu, Dahlia tidak boleh menolak sekira suaminya mengikut saluran yang betul, iaitu dia perlu membuat permohonan berpoligami. Lanjutan itu, keterangan yang diberikan oleh Emir Johan jelas memberitahu seseorang suami yang ingin berpoligami hendaklah mampu untuk menampung dua buah keluarga. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah:

Sebenarnya, bukan semua orang layak untuk berpoligami. Jika suami puan mengikut saluran yang betul, dia perlu membuat permohonan untuk berpoligami. Untuk itu, puan akan dipanggil hadir di mahkamah untuk mengesakan banyak perkara. Misalnya, kedudukan kewangan iaitu kemampuannya untuk menampung dua buah keluarga.

(Nisah Haron, 2009)

Seterusnya, novel *LM* ini juga menceritakan tentang hak-hak yang diperoleh oleh isteri selepas diceraikan oleh suami. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM*, iaitu melalui masalah yang dihadapi oleh Dahlia. Sekiranya Dahlia diceraikan oleh suaminya, Dahlia mempunyai banyak hak yang dapat dituntut di mahkamah. Tambah-tambah lagi Dahlia mempunyai anak. Oleh sebab itu, Dahlia berjumpa Emir Johan untuk mengetahuinya tentang hak-hak yang akan Dahlia dapat selepas bercerai nanti. Seperti yang diberi penerangan oleh Emir Johan dalam novel ini, jika suami Dahlia bercadang untuk menceraikan Dahlia, suaminya hendaklah dilafazkan di mahkamah. Walaupun, dari segi syaraknya, talak tetap jatuh sama ada suami melafazkan di dalam rumah, di tepi jalan ataupun di mana-mana sahaja. Undang-undang syariah negeri ini mewajibkan supaya lafadz talak di luar mahkamah itu hendaklah disahkan oleh mahkamah. Jadi, kalau benar suami itu bertanggungjawab, sewajarnya dia melafazkan cerai terhadap isteri di dalam mahkamah. Dahlia mendengar penerangan yang diberikan oleh Emir Johan. Selain itu, Emir Johan juga memberi penerangan tentang hak-hak isteri apabila diceraikan mengikut perundungan Islam, seperti yang dijelaskan melalui petikan di bawah:

“Hak sebagai isteri yang diceraikan adalah banyak. Apabila diceraikan, isteri wajib mendapat hak nafkah tempat tinggal, nafkah edah dan mutaaah. Itu belum dicampurkan lagi dengan hak penjagaan anak yang akan ditentukan oleh mahkamah. Jika hak penjagaan itu dapat kepada pihak isteri, mahkamah juga akan menentukan jumlah nafkah yang harus dibayar kepada anak

itu melalui bekas isteri. Sekiranya, pihak suami dan isteri mempunyai harta yang diperoleh semasa tempoh perkahwinan, mahkamah juga akan mengesahkan tentang kedudukan harta sepencarian antara pasangan serta berapakah bahagian masing-masing.”

(Nisah Haron, 2009)

Novel *LM* turut menceritakan tindakan Dahlia untuk mengetahui lebih lanjut tentang nafkah tempat tinggal apabila diceraikan. Emir Johan sebagai seorang peguam yang harus melayang anak guamnya, menjawab dengan lancar sekali soalan yang ditanya oleh Dahlia. Sebagaimana yang diberitahu Emir Johan dalam novel *LM* ini, nafkah tempat tinggal wajib disediakan oleh suami dalam tempoh edah. Ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah:

Tempoh edah ini lebih kurang tiga bulan sepuluh hari, ataupun tiga kali suci haid. Sepanjang tempoh itu, puan tidak akan hidup merempat tanpa tempat tinggal. Jika puan menyewa rumah, sewa rumah itu mestilah dilunaskan oleh suami puan. Jika puan tinggal di rumah sendiri, suami mestilah membayar dengan wang tunai mengikut nilai yang sesuai.

(Nisah Haron, 2009)

Seterusnya, analisis perbincangan beralih kepada hak isteri selepas diceraikan. Menurut undang-undang, sekiranya isteri diceraikan dan masih lagi dalam tempoh idah, seseorang isteri berhad mendapat nafkah daripada suami dalam beberapa keadaan. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang mengemukakan bahawa Dahlia boleh meminta nafkah edah apabila diceraikan oleh suaminya. Sebagaimana yang di beritahu oleh Emir Johan kepada Dahlia, nafkah edah berasingan dengan nafkah tempat tinggal. Andai kata, suami Dahlia memberi nafkah sebanyak tiga ratus sebulan untuk perbelanjaan diri Dahlia, nafkah itu untuk Dahlia seratus peratus, bukanya digunakan untuk beli barang keperluan rumah, beli beras atau barang dapur. Nafkah sewaktu masih berkahwin ialah wang yang diserahkan kepada isteri dan terpulanglah kepada isteri untuk

membelanjakan wang itu bagi tujuan apa-apa sekalipun, seperti yang dijelaskan dalam petikan di bawah:

“Dia boleh menyimpannya ataupun membeli keperluan peribadinya, bukan untuk kegunaan keluarga. Jadi, jumlah yang sama hendaklah diberikan kepada bekas isteri sebagai nafkah edah selepas diceraikan. Seperti yang saya katakan tadi, kalau biasanya suami beri tiga ratus ringgit, nafkah edah jatuhnya RM300 tambah 10 hari, semuanya lebih kurang seribu ringgit untuk satu tempoh edah.

(Nisah Haron, 2009)

Seterusnya, dalam novel *LM* turut menceritakan tentang seorang isteri yang diceraikan juga boleh tuntut mutaah. Pemahaman ini antaranya dapat dimanifestasikan dalam novel *LM* yang dapat digambarkan melalui watak Emir Johan yang cuba menyampaikan juga tentang mutaah kepada Dahlia mengikut aspek perundangan Islam. Sebagaimana yang diterangkan, mutaah yang dimaksudkan di sini adalah sagu hati kerana diceraikan. Berbeza dengan penceraian orang bukan Islam, suami dalam kes orang Islam hanya membayar kepada isterinya sekali sahaja selepas bercerai. Maksudnya, suami Dahlia akan membayar nafkah edah, nafkah tempat tinggal, dan nafkah mutaah dalam tempoh edah. Selepas daripada itu, jika pembayaran itu sudah langsai, bekas suaminya itu tidak perlu lagi membayar apa-apa kepada bekas isteri. Sebab selepas edah tamat, mereka tidak ada apa-apa ikatan lagi. Kalau ada pun bentuk bayaran, hanyalah nafkah untuk anak. Itu pun jika anak tinggal bersama-sama Dahlia nanti. Selain itu, mutaah ini juga tiada jumlah yang khusus. Namun begitu, yang selalu berlaku, isteri menuntut jumlah yang tinggi kepada suami. Ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah:

“Mutaah ni tidak ada jumlah yang khusus. Ada pihak yang menuntut mutaah yang tinggi jumlahnya; dengan alasan mereka sudah berpuluh-puluh tahun berkahwin. Jadi wajarlah

suaminya membayar sekian banyak. Tetapi yang paling penting dalam tuntutan mutaah ialah jumlah yang dituntut itu dapat diwajarkan oleh pihak isteri dan pihak suami pula mampu untuk membayarnya. Jika jumlah ini tidak dipertikaikan, mahkamah tidak akan masuk campur tangan. Namun begitu, yang selalu berlaku, isteri menuntut satu jumlah yang tinggi dengan alasan suaminya mampu untuk berkahwin lagi dan suaminya pula menafikan yang dia mampu kerana kini mempunyai satu lagi keluarga untuk ditanggung.”

(Nisah Haron, 2009)

Analisis ini berhasil dalam mengenal pasti aspek perundangan Islam yang diutarakan dalam novel *Mencari Locus Standi* dan *Lentera Mustika* yang dikaji. Aspek perundangan tersebut antaranya meliputi wasiat mengikut Islam, pembahagian harta pusaka secara faraid dan harta sepencarian. Adalah penting untuk dinyatakan bahawa aspek perundangan yang dikenal pasti terkandung dalam novel-novel yang dikaji ini rata sejahtera dengan aspek perundangan yang mengisi tulisan-tulisan Nisah Haron. Ini menjelaskan kecenderungan Nisah Haron terhadap perundangan Islam, memungkinkan beliau menyalurkan perundangan Islam tersebut (dalam tulisan ilmiah) ke dalam novel-novel beliau. Tidak kurang penting ialah kesan perbezaan wadah yang digunakan oleh Nisah Haron untuk menyalurkan perundangan Islam tersebut. Adalah jelas daripada analisis ini bahawa meskipun bahan yang diteliti adalah genre novel iaitu sejenis karya kreatif, akan tetapi aspek perundangan termasuklah hujah-hujah yang terkandung di dalamnya masih dapat diamati, diikuti dan difahami secara jelas. Kesan ini sekali gus menjelaskan bahawa novel-novel Nisah Haron dapat dipertanggungjawabkan sebagai wadah yang membuktikan untuk menyampaikan aspek perundangan Islam. Dalam konteks ini, keupayaan novel-novel Nisah Haron yang sedemikian dianggap mungkin berkait rapat dengan pengalaman Nisah Haron sebagai bekas peguam sebelum ini.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian, secara keseluruhanya artikel ini berhasil dalam mengenal pasti beberapa perkara penting yang menjadi matlamat utama kajian ini. Antaranya ialah kehadiran aspek perundangan Islam yang mengisi novel-novel yang dikaji. Pengenalpastian ini, antaranya dimungkinkan oleh cara penulisan yang dihadapi dengan jelas memberikan keutamaan terhadap cara dan gaya penulisan yang dapat mengetengahkan aspek perundangan secara jelas dan mencukupi. Walau bagaimanapun, keutamaan ini didapati tidak pula menjelaskan kedudukan novel sebagai salah satu genre kreatif, dan ini jelas apabila alat-alat penceritaan terutama watak dan perwatakan menunjukkan bagi menterjemahkan aspek perundangan yang disampaikan itu.

Seterusnya, dalam konteks kehadiran dan kedudukan aspek perundangan Islam dalam novel-novel yang dikaji, kajian ini dengan jelas dapat mengenal pasti dominasi aspek perundangan Islam yang diletakkan pada kedudukan yang subordinat kepada aspek perundangan Islam tersebut. Ini dengan sendirinya menjelaskan keutamaan novel-novel yang dikaji terhadap aspek perundangan Islam. Penemuan ini mendorong kesimpulan penting kajian ini bahawa novel-novel Nisah Haron yang dikaji adalah menepati tuntutan perundangan Islam yang menjadi karya kreatif sebagai wadah yang sah dalam menyampaikan ilmu. Ini sekali gus menjawab persoalan yang dibangkitkan pada awal kajian ini, iaitu keupayaan Nisah Haron dalam merealisasikan seruan beliau sendiri. Adalah jelas di sini bahawa sebagai seorang penulis kreatif, Nisah Haron memanfaatkan karya-karya kreatif untuk menyampaikan aspek perundangan Islam yang serius dan bernes.

## Penghargaan

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang" segala puji dan syukur kepada Illahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, artikel ini dapat diterbitkan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat sahabat saya, Nor Suhaida Ismail atas kerjasama teguran dan nasihat serta ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan artikel ini.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat *Journal of Business and Sosial Development (JBSD)* kerana memberi peluang dan kepercayaan untuk menerbitkan artikel ini dengan jayanya. Semoga dengan kepercayaan ini akan memberi nilai tambah dalam dunia akademik agar terus maju jaya pada masa akan datang.

## Rujukan

- Abdul Basir Bin Mohamad. (2002). *Falsafah Perundangan Islam*. Selangor: Mahzum Book Services.
- Abdul Jalil Borham. *Pengantar Perundangan Islam*. (2002). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1993). *Perkembangan Undang-Undang Islam dari Zaman Rasulullah S.A.W hingga Zaman Penjajahan Barat*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Bin Mohd Sham. (1972). "Undang-Undang Melayu Lama: Tumpuan Khas kepada *Hukum Kanun Melaka* dan Undang-Undang di Bawah Pengaruhnya". Tesis Master, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Mohamad Ibrahim. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1997.
- Haron Din. *Falsafah Perundangan Islam*. (1986). Mohd Azam Hamzah dan Md. Akhir Haji Yaacob, ed. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hassan Haji Salleh. (1973). *Pengantar Kepada Fiqh Islam Penggal Pertama*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad. (1999). *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid. (1988). *Sejarah pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Bin Abd. Majid. (1997). *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1998). *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nisah Haji Haron. (2002). “ Peguam Bersemangat Waja”. *Minda*. hlm 92-93. Januari, 2002.
- Nisah Haji Haron. (2003). “Kesilapan Berwasiat Harta Pusaka”. *Dewan Masyarakat*. 52-53. Mei, 2003.
- Nisah Haji Haron. (2003). “Anak Guam Menjadi Keutamaan”. *Dewan Masyarakat*. 39-41. Jun, 2003.
- Nisah Haron. (2004). *Mencari Locus Standi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nisah Haji Haron. (2004). “*Mencari Locus Standi*: Ulasan Fiksyem *Mencari Locus Standi* karya Nisah Haron”. *Tunas Cipta*. hlm 48-49. November 2004.
- Nisah Haron. (2006). “Anugerah Sastera Negeri Sembilan Penghargaan Kepada Penulis Mapan dan Muda”. *Utusan Malaysia*. hlm 22. Januari, 2006.
- Nisah Haron. (2009). *Lentera Mustika*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Nisah Haji Haron. (2009). “*Lentera Mustika*: Antara Undang-Undang dan Warisan Khazanah Bangsa-Catatan Pengalaman”. Kertas Seminar Wajah Kepengarangan Muslimah Nusantara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 31 Mac-2 April, 2009.
- Nisah Haji Haron. (2009). “Rezeki di Tangan Allah”. *Dewan Sastera*. 21-23. September, 2009.
- Nisah Haron. (2018). Bengkel Penulisan dan Ceramah sastera dan penulisan kreatif. (6 Jun 2018). <http://annyss.blogspot.my/p/biodata-penuh.html> (Diakses pada 12 Jun 2018).
- Norzuzilawati Sulaiman. (2009). “Nisah Haron: Sastera Pilihan Tepat”. *Dewan Sastera*, hlm 1. September, 2009.
- Radiyah Binti Yusuf. (1985). “Soerat Huekoem Kanon: Analisis dan Kajian Teks”. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruzian Markom. (2003). *Apa Itu Undang-Undang Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sabjan Bin Sallahudin. (1978). “*Hukum Kanun Pahang*: Satu Tinjauan Ringkas”. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shasha. (2009). “Buruan Cinta Murni Mustika: Ulasan Fiksyen *Lentera Mustika* karya Nisah Haron”. *Dewan Sastera*. hlm 12. September, 2009.
- Siti Rohayah Attan. (1997). “ Nisah Haron: Menangi Hadiah Cerpen ESSO-Gapena X”. *Utusan Malaysia*. 11. Ogos, 1997.
- Zaidi Ismail. (2010). “Fikir Sebelum Tulis”. *Dewan Bahasa*. 61-65. Mac, 2010.

